

SOALAN NO: 208

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**
RUJUKAN : **BL3 [PR-1353-T01348]**
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan dan kawasan pusat rekreasi rakyat di ibu kota, kos pembinaan dan penambahbaikan yang dijalankan, kutipan hasil terkumpul dari aktiviti-aktiviti penduduk setempat dan ke mana disalurkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, terdapat 17 taman-taman awam dan 412 taman permainan kanak-kanak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pada tahun 2017, DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM15.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan taman yang meliputi kerja-kerja pembersihan taman, penyelenggaraan landskap lembut (*softscape*) dan landskap kejur (*hardscape*). Selain itu, sebanyak RM10 juta disediakan untuk penyelenggaraan kawasan tanah lapang dan taman permainan kanak-kanak yang meliputi kerja-kerja membaik pulih, menjaga, mengganti dan memasang baru alat permainan kanak-kanak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. DBKL juga menawarkan kemudahan/sewaan tapak di taman-taman awam tertentu dengan kadar minimum seperti:

Bil.	Perkhidmatan	Caj yang Dikenakan
1.	Menunggang kuda dan menaiki kereta kuda Waktu Operasi: Hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan sepanjang cuti sekolah (kecuali hari Isnin)	Menunggang Kuda Dewasa: RM1.50 Kanak-Kanak: RM1.00 Kereta Kuda Dewasa: RM1.00 Kanak-Kanak: RM0.50
2.	Sewaan Tapak (Kadar tertakluk kepada jumlah peserta)	RM100 sewaan tapak dan RM100 cagaran (peserta yang tidak melebihi 500 orang)

Berikut adalah 17 taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur yang diuruskan oleh DBKL:

BIL	NAMA TAMAN	KELUASAN
1	Taman Botani Perdana	101.2 hektar
2	Taman Tasik Titiwangsa	46.13 hektar
3	Taman Tasik Permaisuri	49.40 hektar
4	Taman Tasik Ampang Hilir	15 hektar
5	Taman Tasik Datuk Keramat	6 hektar
6	Taman Tasik Manjalara	10.6 hektar
7	Taman Rimba Kiara	10.2 hektar
8	Taman Bukit Jalil	20.23 hektar
9	Taman Rekreasi Pudu Ulu	25.9 hektar
10	Taman Metropolitan Batu	11.89 hektar
11	Taman Metropolitan Kepong	127 hektar
12	Taman Kejiranan Air Panas Setapak	15.50 hektar
13	Taman Medan Idaman	6 hektar
14	Taman Tasik Danau Kota	13.25 hektar
15	Taman Rimba Bukit Kerinchi Lembah Pantai	66.15 hektar
16	Taman Dusun Bandar	7.70 hektar
17	Taman Alam Damai	9.71 hektar